

# Peruntukan: Sokong kerajaan bukan syarat

Dari muka 1

Beliau menjawab soalan tambahan Datuk Seri Shahidan Kassim (PN-Arau) mengenai syarat yang dikenakan kepada pembangkang untuk mendapatkan peruntukan.

Perdana Menteri berkata, rundingan bukanlah sesuatu yang sukar untuk dilakukan tetapi ia perlu dilakukan untuk mendapatkan sebarang peruntukan daripada kerajaan.

“Bincang sahajalah, kalau dah tak sanggup bincang, tunggulah, jangan gunakan isu itu, sebab mana-mana ceramah itu makian, kata kita zalim tidak beri peruntukan kepada pembangkang.

“Saya beritahu peruntukan kepada rakyat diteruskan, tidak salur kepada pembangkang sehingga rundingan diadakan.

“Kalau nak ada semangat kerajaan dan pembangkang, tapi nak runding pun tak boleh, tak munasabah bagi saya. Dalam tradisi demokrasi pembangkang dan kerajaan, ketua pembangkang dan Perdana Menteri, wakil harus ada di meja perundingan katanya.

Justeru, beliau sekali lagi menegaskan bahawa beliau tidak pernah menghalang peruntukan kepada mana-mana wakil rakyat.

“Kadang-kadang aneh wakil yang berunding itu ada di belah sana, dia tahu prosesnya, ber-



**ANWAR Ibrahim hadir di Parlimen bagi menjawab soalan dalam Sesi Waktu Pertanyaan-Pertanyaan Perdana Menteri (PMQT) di Dewan Rakyat semalam. - PEJABAT PENERANGAN MALAYSIA**

pa kali berunding, tapi seolah-olah tidak dipedulikan, seolah tak tahu langsung, tak bolehlah begitu,” katanya.

Sementara itu, Anwar meminta Perikatan Nasional (PN) menghentikan segala usaha untuk mengambil alih kerajaan selepas lima ahli Parlimen pembangkang menyatakan sokongan kepada beliau.

Terbaharu, Ahli Parlimen Bukit Gantang, Datuk Syed Abu

Hussin Hafiz Syed Abdul Fasal mengisytiharkan sokongan kepada kerajaan Perpaduan.

“Saya faham Kota Bharu (Datuk Seri Takiyuddin Hassan) marah betul.

“Tapi tak marah macam mana, tiap-tiap bulan kata nak ambil alih kerajaan, tiap-tiap bulan ada ahli yang keluar. Jadi maknanya, berhenti igauan untuk nak rampas tebuk atap ini, hentikan dulu,” katanya.

Menurut beliau, pembangkang seharusnya memainkan peranan lebih baik dan bukan sekadar menuduh kerajaan dengan pelbagai dakwaan.

“Dia (pembangkang) kempen kita ini menentang Islam, negara Melayu sudah tidak ada, pemimpin Melayu sudah hilang, apa dia sahaja wakil Islam dalam dunia ini, mereka sahaja wakil Melayu di dunia ini,” katanya.